

AHMED ORABI

(2)

Pemberontakan Ahmed Orabi adalah didorong oleh dua sebab yang besar.

Pertama: Sebab yang khas yang berhubung dengan pegawai-pegawai tentera yang telah bangun bertindak kerana tidak puas hati kepada layanan yang mereka terima, (huraiannya telah tersiar pada bilangan yang lalu), dan kedua: Sebab-sebab yang am, meliputi segenap lapisan rakyat iaitu ada yang mengenai siyasah, ada yang mengenai iktisad dan ada pula yang mengenai masyarakat, seperti yang dipaparkan di bawah ini:

Sebab-sebab yang berhubung dengan siyasah

Adapun sebab-sebabnya yang berhubung dengan siyasah adalah berbalik kepada rasa tidak puas hati rakyat Mesir amnya terhadap cara pemerintahan yang buruk, sehingga timbul cita-cita mereka hendak melepaskan diri daripada cengkamannya. Sebenarnya pemerintahan Mesir yang sedang berjalan pada ketika itu adalah dikemudi oleh pemerintah yang bermaharajalela dan menindas rakyat jelata.

Tidak ada barang sedikit pun keadilan atau undang-undang; Tidak ada kehakiman yang membela nasib orang-orang yang teraniaya dan memberikan tiap-tiap seorang akan haknya; tidak ada kebinasaan, tidak ada persamaan dan tidak ada jaminan yang berdasarkan undang-undang yang menjamin keselamatan nyawa dan hak-hak orang ramai. Perbuatan memukul dengan cemeti sangat-sangat menjadi pada masa itu dilakukan oleh ketua-ketua pemerintahan sebagai sebuah jalan bagi mendapatkan harta benda rakyat, atau dijadikan alat kekerasan dan penyeksaan. Betul Riyad Basha telah mengeluarkan perintah supaya perbuatan yang tidak berperikemanusiaan itu dihapuskan, tetapi perintahnya dalam perkara ini tidak dilakukan dengan sepenuhnya, dan tinggallah cemeti itu dalam banyak segi menjadi alat pemerintahan. Selain dari itu rakyat sepanjang masa dikerah sebagai banduan

bukan kerana memperjuangkan kerja-kerja am yang berfaedah kepada ramai tetapi dikerah kerana mengerjakan tanah-tanah pegawai-pegawai tinggi dan keluarga raja. Perbuatan buang negeri ke hulu negeri Sudan adalah rata-rata ditempatkan kepada rakyat semata-mata kerana syak atau kerana hendak melepaskan dendam busuk.

Akhbar "Monitor Ijvision" akhbar Perancis yang menjadi akhbar rasmi kerajaan- ada menyebutkan bahawa ketika Sharif Basha membentuk jemaah menteri-nya sesudah berbangkit pemberontakan Ahmed Orabi, banyak surat-surat rayuan telah dimajukan kepadanya dari orang-orang yang telah dijatuhkan hukum buang negeri ke Sudan bermohon supaya dibela nasib mereka, jumlah mereka telah mencapai angka 912 orang iaitu suatu jumlah besar yang menunjukkan setakat mana banyaknya pengabaian yang ditimpakan atas rakyat jelata sebelum berbangkit pemberontakan Arabi. Apabila disiasat pengaduan-pengaduan ini jelaslah bahawa kebanyakan orang-orang yang telah dibuang negeri itu adalah dikenakan hukuman itu semata-mata kerana disyaki sebagai orang-orang yang bahaya.

Yang demikian rakyat Mesir adalah sentiasa bercita-cita hendak melepaskan diri dari cara pemerintahan yang tidak berperikemanusiaan itu. Golongan cerdik pandai telah

sedar cara pemerintahan yang demikian itu tidak dapat diperbaiki melainkan dengan mengadakan undang-undang dasar (perlembagaan) dan mengadakan majlis mesyuarat orang ramai yang akan menguatkan dasar-dasar keadilan dan kebebasan dan dapat menjadi pemerhati atas tingkah laku orang-orang yang mengemudi kerajaan, dan dapat pula menyekat daripada berlakunya penganiayaan sehingga orang ramai merasa aman dan terjamin keselamatan mereka. Dari keadaan yang disebutkan itu timbul perpaduan rasa dan kecenderungan di antara golongan yang terpelajar dengan pegawai-pegawai tentera dari anak-anak negeri lalu mereka sekat hendak menuntut supaya diadakan majlis mesyuarat orang ramai. Dengan ini nyatalah bahawa pemberontakan itu ialah pemberontakan terhadap kezaliman dan pemerintahan yang bermaharajalela.

Memang tidak terselindung bahawa Mesir telah mengalami sesuatu daripada peraturan yang berpelembagaan sebelum itu, kerana telah terdiri majlis mesyuarat orang ramai pada tahun 1866 dalam zaman Khedive Isma'īl, tetapi Majlis Mesyuarat yang tersebut tidak mempunyai kuasa, dan tidak ada kesannya dalam menahan penganiayaan yang menimpa anak negeri. Pada akhir pemerintahan Khedive Ismā'īl, baharulah terdengar suara puak pembangkang di antara anggota-anggotanya. Wakil-wakil rakyat dan pembesar-pembesar dari golongan yang khas mulai membicarakan bagaimana hendak memperbaiki peraturan majlis mesyuarat itu dan meluaskan kuasanya. Sharif Basha telah menunaikan cita-cita itu dengan mengadakan undang-undang dasar pada tahun 1879 menurut kaedah yang sebaharu-baharunya. Tetapi kejadian kacau bilau yang berlaku dan berakhir dengan terpecatnya Khedive Isma'īl telah menghalangi undang-undang dasar iaitu daripada berjalan dan beramal dengan dia.

Dalam masa golongan terpelajar sedang menunggu kezahiran undang-undang dasar itu melalui tangan Khedive Tawfiq, tiba-tiba Sharif Basha (Perdana Menteri) meletak jawatannya

kerana Khedive Tawfiq menghalangnya daripada membentuk majlis mesyuarat orang ramai, dan berkeras-keras hendak menjalankan pemerintahan mutlak-lepas bebas dan tidak berperlembagaan. Mereka telah melihat Khedive Tawfiq menubuhkan jemaah menteri dengan diketuai olehnya sendiri, iaitu membayangkan kecenderungan Khedive itu kepada pemerintahan yang bermaharajalela.

Sesudah itu terbentuk pula jemaah menteri Riyad Basha yang telah mengemudikan pemerintahan Mesir dengan tidak berperlembagaan bahkan majlis mesyuarat orang ramai yang ada itu sudahlah mempunyai kuasa yang terlalu lemah itu pun telah dibiarkan terbengkalai selama dua tahun sepanjang masa kerajaan Riyad Basha.

Orang ramai tidak lupa akan tindakan majlis mesyuarat yang tersebut yang boleh juga dipuji pada akhir pemerintahan Khedive Isma'īl, tiba-tiba dibiarkan terbengkalai dalam masa pemerintahan Khedive Tawfiq, maka sudah tentu mereka merasa wajib berjuang kerana mewujudkan undang-undang dasar. Dan sudah tentu pula apakala ada seruan yang mengajak bangun memberontak, mereka akan menyahutnya dengan taat dan gembira. Daripada apa yang dibandingkan itu jelaslah bahawa dari segi ini pemberontakan yang dipimpin oleh Ahmed Orabi ialah lanjutan gerak kebangsaan yang telah zahir pada akhir pemerintahan Khedive Isma'īl.

Siyasah yang telah dijalankan oleh Riyad Basha seperti yang disebutkan itulah salah satu daripada sebab-sebab yang menyalakan api pemberontakan. Riyad Basha telah menerima pertentangan yang kuat sekali kerana sikapnya menghalang daripada terbentuknya majlis mesyuarat orang ramai dan juga kerana dia mengambil sikap memihak kepada kerajaan-kerajaan Eropah, lebih-lebih lagi kerana dia mempermudah akan kecenderungan rakyat dan tidak mengambil berat akan fikiran golongan bijak pandai, serta degilnya pula menindas dengan jalan kekerasan

akan pihak pembangkang.

Suratkhabar-suratkhabar pihak pembangkang juga tidak terlepas dari penangannya. Dalam masa kerajaan dipimpin oleh Khedive Tawfiq, kemudian oleh Riyad Basha, surat-khabar-suratkhabar pihak pembangkang telah ditindas dengan kejamnya.

Dalam masa kerajaan Khedive Tawfiq, kerajaan telah memberhentikan surat-khabar “*Mirā’at al-Ishraq*” (Cerminan Timur) sepanjang masa beberapa bulan, dan memberi amaran kepada akhbar “*al-Tijārah*” (Perniagaan). Dan sekali lagi akhbar “*Mirā’at al-Ishraq*” telah diberhentikan selama lima bulan.

Dalam masa kerajaan Riyad Basha pula akhbar-akhbar “Mesir” dan “*al-Tijārah*” telah diberi amaran kerana menyiarkan makalah-makalah yang dikatakan mengacau fikiran orang ramai, dan kesudahannya kedua buah akhbar itu telah diberhentikan siarannya kerana akhbar-akhbar itu berdegil menyiarkan makalah-makalah yang berbahaya menurut takrif pemerintah.

Sebenarnya kedua-dua buah akhbar: “Mesir” dan “*al-Tijārah*” itu ialah sekuat-kuat akhbar pihak pembangkang, roh dan semangat Sayyid Jamāluddīn al-Afghānī jelas kelihatan di dalam siarannya. Itu tidak pelik, kerana tuan punya dan penerbitannya ialah “Adib Ishak” salah seorang murid kepada Jamāluddīn al-Afghānī ahli siyasah Islam yang kebilangan itu. Yang pertama telah diberikan pada tahun 1877, dan yang kedua pada tahun 1878 iaitu pada akhir pemerintahan Khedive Ismā’il. Dalam masa pemerintahan Khedive Tawfiq, kedua-dua buah akhbar itu tidak putus-putus menyiarkan makalah-makalah yang membangkitkan semangat, dan mengkritik siyasah kerajaan. Kerajaan Riyad yang sedang berkuasa pada masa itu tidak tersabar lagi melihat telatah akhbar-akhbar tersebut lalu dikeluarkan perintah memberhentikan penerbitannya.

Tidak berapa antaranya akhbar “*Miṣr al-Fatāh*” pula

telah diberi amaran kerana siaran-siarannya yang dipandang berbahaya dan akhirnya telah diberhentikan penerbitannya. Akhbar-akhbar Arab yang diterbitkan diluar Mesir seperti “*al-Nahlah*” “*Abū Naḍārah*” (asalnya terbit di Mesir kemudian berpindah ke Paris), “*Abū Ṣafārah*”, “*al-Qāhirah*”, “*al-Shirq*” telah dilarang masuk ke Mesir.

Siaran-siaran akhbar pihak pembangkang yang menggambarkan rasa tak puas hati terhadap cara pemerintahan dan kehendak-kehendak rakyat kepada kebebasan dan kepada undang-undang dasar atau perlembagaan, semuanya ini, ditambah kepada tindasan-tindasan pemerintah yang ditimpakan itu menjadi salah satu daripada sebab-sebab yang telah membangkitkan pemberontakan itu.

-bersambung

SURAT AKUAN

Saya, H. M. D. Al-Ahmadi,

146 Pasir Emas, Kelantan mengucapkan

syukur ke hadrat Ilahi dan berbilang-banyak

terima kasih kepada tuan tabib yang

tersebut di bawah ini kerana menyembuhkan

penyakit buasir yang saya telah hidapi selama lebih kurang 25

tahun. Buasir saya telah digugurkan dengan tak payah dipotong

dan tidak berasa sakit dalam tempoh 12 hari sahaja.

Yang demikian saya syorkan kepada saudara-saudara sekalian yang ada

mengidap penyakit ini, silalah datang berjumpa dengan segera

kepada tabib tersebut, Inshā Allāh akan memuaskan. Yang benar



H. M. D. al-Ahmadi

30. 11. 54

Tabib H. G. Mustaffa,

Punjab Medical Hall

280, Victoria Street, SINGAPORE 7.